

17/03/2000

Pekerja bank dedah rahsia pelanggan: PM (HL)

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

JITRA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, ada kakitangan bank tertentu mendedahkan urusan niaga individu dan agensi kerajaan untuk memburukkan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, beberapa pekerja dua bank membuat salinan cek kerajaan negeri Melaka dan mempamerkannya dalam Internet seolah-olah kerajaan berbuat kesalahan.

"Kita tahu urusan orang tertentu dengan bank didedahkan kepada orang ramai oleh mereka. Saya tahu ada di suatu tempat, dokumen tertentu yang dihantar ke bank telah diedarkan...dulu masa tiada Internet.

"Ia diedarkan bagi menunjukkan kerajaan melakukan sesuatu yang buruk," katanya sambil menambah, selain Melaka kegiatan berkenaan juga dikesan di Kuala Lumpur.

Dr Mahathir memberitahu pemberita demikian di rumah terbuka Aidiladahnya, di Dewan Jitra, di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai langkah kerajaan Melaka mengeluarkan simpanan tetap daripada dua bank perniagaan berikutan beberapa pekerjanya menyokong parti pembangkang.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, memberitahu pemberita di Melaka hari ini, kerajaan negeri memutuskan untuk mengeluarkan RM10 juta daripada wang simpanan tetap milik sebuah agensinya dalam sebuah bank tempatan kerana tidak bertindak terhadap kakitangan yang menyokong pembangkang secara terbuka.

Tindakan itu akan dibuat sebaik saja simpanan itu mencapai tempoh matang. Kerajaan negeri juga bercadang mengeluarkan kira-kira RM40 juta lagi daripada akaun simpanan tetapnya daripada beberapa bank lain yang gagal mengambil tindakan disiplin terhadap kakitangannya.

Perdana Menteri berkata, tindakan mengikut undang-undang terpaksa diambil ke atas pekerja bank terbabit, jika mereka didapati membocorkan rahsia kerajaan.

Bagaimanapun, sukar untuk mengambil tindakan terhadap bank terbabit.

"Apa yang boleh kerajaan lakukan ialah dengan tidak berurusan dengan bank berkenaan," katanya membayangkan Kerajaan Pusat mungkin mengikuti langkah kerajaan negeri Melaka itu.

Dr Mahathir berkata, beliau sedar pekerja sesetengah bank adalah penyokong kuat pembangkang tetapi mereka seharusnya lebih profesional dalam melaksanakan tugas.

Katanya, BN tidak pernah memberhentikan kakitangannya, sebaliknya mengekalkan mereka walaupun terbukti menyokong atau bersimpati terhadap pembangkang.

"Ada ramai anggota kerajaan yang mengaku secara terbuka kepada saya mereka penyokong Pas ... ada yang memegang jawatan KSU (Ketua Setiausaha), tetapi kita tidak memberhentikan mereka.

"Tetapi di Melaka, kerajaan menyimpan wang dalam bank tetapi kakitangannya secara terang menyokong Pas. Kita tahu pada masa lalu, cek milik pelanggan diberi kepada parti (Pas) dan dimasukkan dalam internet.

"Jadi, macam mana kita percayakan bank yang pekerjanya menentang kita dan mendedahkan rahsia kita. Kita simpan wang, mereka boleh ambil cek, buat salinan pendua dan masukkan dalam internet. Jadi kerajaan tidak boleh percaya bank yang macam ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika perkara itu berterusan, ia bukan sahaja menjejaskan kredibiliti bank terbabit, malah sektor kewangan negara.

"Sebagai contoh, dalam kerajaan kita merayu mereka yang diketuai penyokong kuat pembangkang supaya bertugas secara profesional. Jika bertugas, kita perlu lakukan betul-betul dan tidak dipengaruhi oleh kepentingan parti," katanya.

(END)